

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS
[TUARAN]**

TARIKH : **20 JULAI 2020 (ISNIN)**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa bilangan depoh ataupun 'Rumah Merah' Sabah, jumlah tahanan terkini di setiap depoh dan berapakah perbelanjaan setahun untuk mengurus tahanan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Pada masa sekarang, terdapat 4 buah depoh tahanan imigresen yang dikenali sebagai Pusat Tahanan Sementara (PTS) di seluruh negeri Sabah. Sehingga pada 8 Julai 2020, bilangan tahanan di semua PTS berjumlah 6,162 orang. Daripada jumlah ini, 1,694 orang ditahan di PTS Kota Kinabalu, 1,345 di PTS Papar, 1,272 di PTS Sibuga Sandakan dan 1,851 di PTS Tawau.
2. Seramai 5,356 orang daripada tahanan ini ialah warganegara Filipina, 693 orang warga Indonesia dan baki seramai 113 orang adalah dari pelbagai negara yang lain.
3. Secara purata, jumlah perbelanjaan tahunan bagi menguruskan tahanan-tahanan ini dari segi makan minum, pengangkutan bas dan feri bagi pengusiran ialah sebanyak RM18 juta setahun.

Sekian, terima kasih.